

12 APR 2002

Mustapa-Reaksi

KEPUTUSAN MUSTAPA TIDAK JEJASKAN PARTI

KUALA TERENGGANU, 12 April (Bernama) -- Tindakan Datuk Mustapa Mohamed meletakkan jawatan sebagai Ketua Penerangan Umno hari ini tidak akan menjejaskan parti sebaliknya menyumbang kepada proses pengukuhan Umno.

Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhamad Taib berkata tindakan Mustapa itu sudah tentu mengambil kira pelbagai faktor terutamanya bagi memperkuat semula Umno Kelantan.

"Kita menghormati keputusan Mustapa dan ia sebenarnya tidak ada kena mengena dengan beberapa isu yang ditimbulkan oleh pihak tertentu sebelum ini," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Mustapa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan hari ini mengumumkan peletakan jawatannya sebagai Ketua Penerangan parti berkuatkuasa serta merta.

Beliau berkata peletakan jawatan itu dipersetujui Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahukannya memberi tumpuan lebih terhadap Umno Kelantan.

Muhammad berkata Mustapa adalah seorang pemimpin berwibawa serta rajin bekerja dan keputusannya itu sudah tentu demi kepentingan parti.

Sikap bertolak ansurnya juga menjadi faktor utama Umno akan bertambah kuat dan terus mendapat keyakinan serta mandat rakyat, katanya.

"Saya rasa beliau juga mahu memberi peluang kepada muka baru dalam meneruskan agenda parti di peringkat pusat dan ia sudah tentu sesuatu yang positif bagi Umno," katanya.

--BERNAMA

AYB SN NAK